

NOVEL LEFTENAN ADNAN WIRA BANGSA KARYA ABDUL LATIP TALIB

TEMA

Keberanian dan keperwiraan askar Melayu berjuang mempertahankan negara dari dijajah oleh musuh. 2m
Contoh, **Leftenan Adnan** dan pasukannya berjuang ke títisan darah terakhir semasa mempertahankan kubu di **Bukit Candu** oleh **Jepun**. 1m Mereka tidak mahu menyerah kalah dan Left Adnan sendiri telah ditangkap hidup-hidup oleh tentera Jepun, lalu diikat pada dahan pokok ceri dan ditikam bertubi-tubi dengan bayonet hingga hancur tubuhnya. 1m 4m + 3m = 7m

SINOPSIS MENGIKUT PLOT NOVEL

1. Permulaan

Novel yang saya pelajari ialah novel Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latif Talib. Novel Leftenan Adnan bermula dengan kisah kehidupan Adnan semasa kecil. Pak Said dan Mak Miah membesarkan tiga orang anaknya iaitu Adnan, Ahmad dan Amarullah. Pak Said amat mengambil berat tentang sejarah tanahair. Dia mahu anak-anaknya berbakti kepada bangsa, agama dan tanahair. Dia juga merahiakan keturunannya demi keselamatan keluarganya.

2. Perkembangan

Adnan bersekolah di sekolah Inggeris. Adnan yang bercita-cita menjadi askar akhirnya berjaya menjadi askar dalam satu temu duga di Port Dickson. Adnan menyertai Regimen askar Melayu dan berkahwin dengan Sophia serta dikurniakan dua orang anak. Adnan membawa keluarganya tinggal di Singapura. Pada tahun 1941 Jepun mendarat ke Tanah Melayu. Batalion kedua Askar Melayu tidak mampu membendung serangan Jepun dan mereka diarahkan berundur dari medan pertempuran. Perang dunia kedua telah tercetus. Leftenan Adnan dan kumpulannya daripada Kompeni C diarahkan ke Pasir panjang dan Bukit Candu bagi menyekat kemaraan tentera Jepun yang ketika itu sudahpun berjaya menguasai beberapa tempat di Tanah Melayu. Di Pasir Panjang pasukan Leftenan Adnan berjaya menembak mati beberapa orang tentera Jepun sehingga mereka tentera Jepun berundur.

3. Perumitan/ konflik

kedatangan semula pasukan tentera Jepun dengan bilangan yang lebih ramai menyebabkan askar dalam Kompeni C berjuang bermati-matian. Pertahanan di Bukit Candu semakin meruncing kerana askar Melayu terus diacak oleh tentera Jepun. Ketika itu peluru hampir habis dan banyak askar Melayu terkorban sedangkan tentera Jepun semakin ramai menghampiri Bukit Candu.

4. Klimaks

Tentera Jepun telah berjaya menawan Leftenan Adnan. Tentera Jepun kemudiannya menggantung Leftenan Adnan yang cedera parah itu pada dahan pokok ceri lalu ditikam bertubi-tubi oleh setiap tentera Jepun dengan bayonet sehingga mayatnya hancur.

Kekalahan Askar Melayu di bukit Candu menjadikan British di ambang kekalahan. Setelah berjaya menakluki Tanah Melayu, Jeneral Yamashita tidak dapat melupakan peristiwa pertempuran di bukit Candu yang menyebabkan adiknya sendiri terkorban ditikam oleh Leftenan Adnan. Jeneral Yamashita telah mengarahkan Leftenan Rina mencari dan memburu keluarga Leftenan Adnan di Kampung Sungai Ramal. Pak Saidi telah ditangkap tetapi dia berjaya membunuh beberapa tentera Jepun dengan keris pusaka sebelum dia ditembak mati.

5. Peleraian

Pada 15 Ogos 1945 Jepun telah menyerah kalah dengan pengeboman Hiroshima dan Nagasaki. Sophia membesarkan anak-anaknya dengan mengerjakan sawah dan memotong getah sebelum berkhidmat semula sebagai guru di sekolah Sungai Ramal. Akhirnya Sophia berkahwin dengan Ustaz Ridwan dan berpindah ke Melaka.

TEKNIK PLOT

1.	Teknik Imbas Kembali – Ingatan sesuatu watak terhadap peristiwa atau kejadian yang telah berlaku atau yang telah dialami.	Sebagai contohnya, Pak Saidi terkenang kembali peristiwa basikalnya yang dirosakkan oleh orang yang menceroohi kawasan rumahnya. Beliau juga teringat akan kata-kata Adnan bahawa dia sempat membalang kayu belati dan terkena pada salah seorang daripada dua lembaga yang menceroohi kawasan rumahnya.
2.	Teknik Dialog- Perbualan watak dengan watak lain.	Sebagai contohnya, dialog antara Pak Saidi dengan Mak Miah. Pak Saidi melahirkan rasa terkilannya kerana orang Melayu miskin di tanah air sendiri. Hasil kekayaan negara diangkut keluar oleh penjajah sedangkan kaum bumiputera yang tinggal di kampung masih ketinggalan dari segi ekonomi.
3.	Monolog dalaman/Monolog luaran – kata hati atau penguapan batin sesuatu watak.	contohnya pengarang menggunakan teknik ini semasa Adnan berkata dalam hatinya tentang Tok Mudin yang akan mengkhatakannya. Adnan juga menyimpan rasa gementar dan takut dan banyak berfikir dalam hatinya sewaktu majlis berkhatan.
4.	Teknik kejutan- peristiwa yang berlaku secara tiba-tiba tanpa di duga oleh pembaca / watak.	Pengarang menggambarkan teknik ini melalui peristiwa Samad yang ditangkap oleh penduduk kampung kerana mencuri. Pada mulanya, tiada seorang pun yang tahu indentiti lembaga yang memecah masuk ke dalam rumah orang-orang kampung yang telah dikosongkan demi keselamatan mereka. Namun, setelah hendapan dibuat, mereka berjaya menangkap lembaga tersebut yang memakai penutup di mukanya. Setelah penutup muka dibuka, penduduk kampung sangat terkejut kerana pencuri itu ialah Samad yang sebelum ini dipercayai oleh orang kampung.
5.	Teknik suspens - peristiwa yang menimbulkan keadaan tertanya-tanya atau perasaan ingin tahu dalam kalangan pembaca tentang peristiwa yang akan berlaku selanjutnya	1. Contoh peristiwa mengandungi unsur suspens tentang keselamatan Leftenan Adnan dan pasukannya. Pembaca tertanya-tanya tentang nasib Leftenan Adnan dan rakan-rakan sepasukanya ketika menentang Jepun. 2. contohnya, peristiwa kedatangan seorang askar Jepun yang memakai turban mendapat pangkat Leftenan. Askar Jepun itu telah menyamakan diri sebagai tentera Sikh. Peristiwa ini telah menimbulkan perasaan ingin tahu dan suspens kepada para pembaca sama ada dia benar-benar tentera Sikh. Akhirnya, Adnan sedar akan penyamaran itu dengan mengamati cara mereka melakukan formasi serta senjata mereka mempunyai bayonet. Tentera Jepun itu akhirnya telah mati ditembak oleh Adnan dan pasukannya. Hal ini melegakan perasaan suspens para pembaca.

NILAI, PERSOALAN DAN PENGAJARAN

Nilai	Persoalan	Pengajaran	contoh peristiwa
Nilai kasih sayang.	Persoalan tentang kasih sayang bapa kepada keluarga	kita hendaklah sayang kepada anak dan keluarga	Leftenan Adnan telah membawa anak-anaknya ke Singapura sewaktu beliau bertugas di Singapura.
Nilai keberanian	Persoalan tentang keberanian seseorang dalam mempertahankan tanah air dari di jajah oleh musuh.	Kita hendaklah berani dalam menentang musuh negara	Contoh: Kompeni C askar Melayu berani berjuang menentang tentera Jepun sehingga ke títisan darah terakhir walaupun dalam jumlah yang sedikit dan kehabisan peluru
Nilai tanggungjawab	Persoalan tentang tanggungjawab seseorang kepada keluarga	Kita hendaklah menghantar anak-anaknya ke sekolah dengan menanggung kepada keluarga	Pak Saidi bertanggungjawab menghantar anak-anaknya ke sekolah dengan menanggung basikal.
Nilai bekerjasama	persoalan tentang bekerjasama dalam menguruskan perniagaan	kita hendaklah bekerjasama dalam mengurus perniagaan keluarga	Contoh: Penduduk kampung bekerjasama untuk tidak memberi maklumat kepada tentera Jepun yang mencari isteri dan anak-anak Leftenan Adnan di Kampung Sungai Ramal.
Nilai Kebijaksanaan	Persoalan tentang kebijaksanaan dalam mengambil tindakan dan keputusan	kita hendaklah bijak dalam mengambil tindakan dan keputusan	Contoh: Leftenan Adnan bijak mengesan helah tentera Jepun yang menyamar sebagai tentera India yang memakai turban ketika menyerang askar Melayu di Pasir Panjang

WATAK DAN PERWATAKAN

Watak Utama – LEFTENAN ADNAN BIN SAIDI

Watak	Perwatakan	contoh peristiwa
1 Anak sulung daripada tiga orang adik beradik. Bapanya bernama Pak Saidi dan ibunya bernama Mak Miah.	Seorang yang Berani	Leftenan Adnan berani berjuang menentang tentera Jepun sehingga ke títisan darah terakhir walaupun tanpa senjata.

2. Dilahirkan di kampung Sungai Ramal, Kajang, Selangor dan	Seorang yang penyayang	Leftenan Adnan sangat sayang akan isterinya dan berasa sayu ketika ingin meninggalkannya di Sungai Ramal sebelum dia berangkat ke Singapura untuk berjuang menyekat kemaraan Jepun
3. mendapat pendidikan di sekolah Inggeris pekan Sungai Ramal.	Seorang yang berani	Leftenan Adnan berani berjuang menentang tentera Jepun sehingga ke títisan darah terakhir walaupun tanpa senjata.
4. Pernah menjadi guru pelatih Berkahwin dengan Sofia	Seorang yang rajin	Leftenan Adnan rajin membantu ayahnya bekerja di sawah dan menoreh getah pada setiap pagi walaupun baru berusia 10 tahun.
5. memasuki bidang ketenteraan yang bertempat di Kem Latihan Haig Lines Port Dickson.	Seorang yang bijak	Leftenan Adnan bijak mengesan helah tentera Jepun yang menyamar sebagai tentera India yang memakai turban ketika menyerang askar Melayu di Pasir Panjang.

Watak Sampingan

Watak	Perwatakan	Contoh peristiwa
1. PAK SAIDI	Seseorang yg mementingkan ilmu pelajaran	Seorang yang mementingkan pelajaran anak-anak dengan menghantar Adnan ke sekolah Inggeris walaupun anak-anak kampung yang lain hanya bersekolah pondok.
	Seorang yang rajin dan seorang yang bertanggungjawab	Setiap pagi dia menoreh getah dan mengerjakan sawah. Setiap pagi mengayuh basikal menghantar Adnan ke sekolah Inggeris sebelum pergi ke sawah dan menjemputnya balik pada waktu pengahari.
2. Sophia	Seorang yang penyayang	Seorang yang sangat sayang akan suaminya. Sophia menagis ketika hendak berpisah dengan Leftenan Adnan sebelum berlepas ke Singapura.
	Seorang yang bertanggungjawab	Menyara anak-anaknya sendiri setelah kematian suami dengan bekerja sebagai penoreh getah dan pesawah sebelum menjadi guru semula.

No.	Latar tempat	contoh peristiwa
1.	Sungai Ramal	Tempat kelahiran Leftenan Adnan dan tempat Leftenan Adnan dibesarkan.
2.	Kem Latihan Haig Lines Port Dickson	Tempat Leftenan Adnan menerima latihan ketenteraan.
3.	Bukit Candu	Leftenan Adnan terkorban dan mayatnya digantung di dahan pokok ceri. Mayatnya digantung dengan kepala ke bawah dan ditikam bertalu-talu oleh tentera Jepun.
4.	Pasir panjang	Kompeni C di bawah pimpinan Leftenan Adnan member tentangan hebat terhadap tentera Jepun sehingga Jepun terpaksa berundur.

No.	Latar masa	contoh peristiwa
1.	Waktu pagi	Setiap pagi Pak Sagi mengayuh basikal untuk menghantar Adnan ke sekolah. Adnan bersekolah di sekolah Inggeris di Sungai Ramal. Setiap pagi juga Pak Saidi pergi menoreh getah selepas menghantar Adnan ke sekolah.
2.	Waktu malam	Kompeni C menerima perintah untuk bergerak ke Bukit Candu.
3.	Waktu petang	Tentera Jepun melancarkan serangan berhelah dengan menyamar sebagai tentera India yang berturban.

No.	Latar Masyarakat	contoh peristiwa
1.	Masyarakat kampung yang hidup aman	Pak Saidi dan penduduk kampung menjalani kehidupan di Kampung Sungai Ramal yang bergantung hidup dengan bersawah
2.	Masyarakat yang mementingkan ilmu.	Pak Saidi menghantar anaknya Adnan ke sekolah Inggeris untuk menjadi orang yang berpelajaran.
3.	Masyarakat yang berani.	Kompeni C askar Melayu berani berjuang menentang tentera Jepun sehingga ke títisan darah terakhir walaupun dalam jumlah yang sedikit dan kehabisan peluru.

1. Berdasarkan sebuah novel yang telah anda kaji, Huraikan tema novel tersebut. 7 Markah

Novel yang saya kaji ialah Leftenan Adnan Karya Abdul Latif Talib., tema novel ini ialah Keberanian dan keperwiraan askar Melayu berjuang mempertahankan negara dari dijajah hingga ke títisan darah terakhir semasa mempertahankan kubu di Bukit Candu. Mereka tidak mahu menyerah kalah dan Left Adnan sendiri telah ditangkap hidup-hidup oleh tentera Jepun, lalu diikat pada dahan pokok ceri dan ditikam bertubi-tubi dengan bayonet hingga hancur tubuhnya.

2. Berdasarkan sebuah novel yang telah anda kaji, Huraikan peristiwa yang menggambarkan tema novel tersebut. 7 Markah

Novel yang saya kaji ialah Novel Tirani Karya Beb Sabariah., Peristiwa yang menunjukkan tema novel Tirani ialah Leftenan Adnan dan pasukannya berjuang ke títisan darah terakhir semasa mempertahankan kubu di Bukit Candu. Mereka tidak mahu menyerah kalah. Peristiwa ini menjelaskan keberanian Leftenan Adnan dan askar Melayu mempertahankan tanah air. Peristiwa Left Adnan sendiri telah ditangkap hidup-hidup oleh tentera Jepun, lalu diikat pada dahan pokok ceri dan ditikam bertubi-tubi dengan bayonet hingga hancur tubuhnya. Peristiwa yang menunjukkan keperwiraan Leftenan Adnan berjuang hingga ke títisan darah terakhir.

CONTOH SOALAN DAN JAWAPAN SOALAN 4B. TOLONG BACA DAN LIHAT TEKNIK

MENULIS JAWAPAN YANG BETUL

1. Sebuah novel banyak memaparkan pelbagai peristiwa. Berdasarkan Dua buah novel yang telah anda pelajari, jelaskan dua peristiwa yang boleh dijadikan teladan/ iktibar/ pengajaran dan kemukakan alasan anda (8 markah)

Novel yang saya kaji ialah Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib. Antara peristiwa yang boleh dijadikan teladan ialah peristiwa Leftenan Adnan bersungguh-sungguh mempertahankan Bukit Candu daripada ditawan oleh tentera Jepun. Walaupun kakinya telah tercedera akibat ditembak oleh tentera Jepun, Leftenan Adnan tidak menyerah kalah sehingga títisan darah terakhir. Peristiwa ini boleh dijadikan teladan kerana daripada peristiwa itu telah menimbulkan semangat patriotik dalam diri saya untuk terus menjaga kedaulatan dan keamanan negara daripada diceroboh oleh musuh negara. Seterusnya, peristiwa yang boleh dijadikan teladan ialah peristiwa pak Saidi menghantar Adnan ke sekolah Inggeris walaupun mendapat tentangan daripada penduduk kampung. Peristiwa ini boleh dijadikan teladan kerana kita hendaklah menuntut ilmu demi masa depan walaupun terpaksa menghadapi pelbagai cabaran.

Novel yang saya kaji ialah Tirani karya Beb Sabariah. Antara peristiwa yang boleh dijadikan teladan ialah peristiwa Waheeda yang mengalami masalah kemurungan akibat kegagalan rumahtangga dan telah mula bangkit serta berusaha melupakan kenangan lalu dengan memajukan Chalet AyaSajinah. Peristiwa ini boleh dijadikan teladan kerana walaupun kita gagal namun kita tidak boleh terlalu mengikut perasaan sedih itu sebaliknya berusaha untuk kehidupan yang mempunyai masa depan.

Seterusnya, peristiwa yang boleh dijadikan teladan ialah peristiwa Waheeda gigit mendapatkan pinjaman tabung usahawan siswazah daripada Bank Pembangunan untuk menubuhkan Syarikat Tajau Emas. Peristiwa ini boleh dijadikan teladan kerana setiap usaha yang dilakukan oleh Waheeda dapat dijadikan contoh teladan kepada kita agar gigit berusaha untuk mendapatkan sesuatu yang kita inginkan dan akhirnya kita pasti akan berjaya.

1. Sebuah novel banyak memaparkan pelbagai peristiwa. Berdasarkan Dua buah novel yang telah anda pelajari, jelaskan dua peristiwa yang menarik hati anda dan kemukakan alasan anda (8 markah)

Novel yang saya kaji ialah Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib. Antara peristiwa yang menarik dalam novel ini ialah peristiwa Leftenan Adnan mengesan helah tentera Jepun yang menyamar sebagai tentera India yang memakai turban ketika menyerang askar Melayu di Pasir Panjang. Peristiwa ini menarik hati saya dengan kebijaksanaan watak utama membuat pengesanan dan lebih berhati-hati dalam tindakan.

Novel yang saya kaji ialah Tirani karya Beb Sabariah. Antara peristiwa yang menarik hati saya ialah Peristiwa Raidah mengajar pekerja Inap desa Tajau Emas membuat Ketupat Lepas untuk doa selamat pembedahan Waheeda sebelum pergi ke Singapura untuk menemui Waheeda. Peristiwa ini menarik kerana saya dapat mengenali makanan tradisi orang Sarawak dan sewaktu Raidah dan pekerja membuat kuih tersebut, banyak peristiwa lucu berlaku dan dapat dilihat hubungan yang rapat antara pekerja dengan majikan.

●AWAK BOLEH BERI APA SAHAJA PERISTIWA TG MENARIK HATI AWAK... JANJI BERTAHAS LUSAN KENAPA PERISTIWA ITU MENARIK HATI AWAK.

●JIKA SOALAN MINTA PERISTIWA YANG MENYEDIHKAN ... BERI SAHAJA PERISTIWA YANG MENYEDIHKAN AWAK @ PEMBACA, YANG MENYEDIAKAN ALASAN PERISTIWA ITU MENYEDIHKAN AWAK.

<p>2. Berdasarkan dua buah novel yang anda pelajari, huraikan satu perwatakan watak utama yang anda fikir sesuai untuk dicontohi oleh pembaca daripada setiap novel tersebut</p> <p>Novel yang saya kaji di tingkatan 4 ialah Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latif Talib. Watak utama bagi novel ini ialah Adnan bin Saidi. Satu perwatakannya yang saya fikir sesuai untuk dicontohi oleh pembaca ialah dia merupakan seorang yang bersemangat patriotik. Contohnya, Leftenan Adnansanggup berjuang bermati-matian dengan bersifat tulus dan yang terakhir untuk mempertahankan bumi tercinta daripada jatuh ke tangan tentera Jepun. Seterusnya, dia merupakan seorang yang rajin. Contohnya, Adnan rajin mengulangi kaji pelajaran sehingga mendapat keputusan yang baik. Dia juga rajin menolong bapanya menoreh getah, bersawah dan menjaga kebun durian.</p> <p>Manakala, novel yang saya kaji di tingkatan 5 ialah Tirani karya Beb Sabariah. Perwatakan watak utama bagi novel ini ialah Waheeda. Satu perwatakannya yang saya fikir sesuai untuk dicontohi oleh pembaca ialah dia merupakan seorang yang penyabar. Contohnya Waheeda sabar dengan ejekan rakan-rakannya yang sering mengejek hidungnya yang pesek dan Waheeda juga sabar menanggung sifat kebodohan buta suaminya yang selalu menuduhnya mengadakan hubungan sulit dengan lelaki lain. Seterusnya, dia merupakan seorang yang berfikir positif. Contohnya, Waheeda yakin industry pelancongan yang diceburinya akan membawa keuntungan yang besar jika ada insentif dan sokongan kerajaan.</p>
<p>3. Berdasarkan sebuah novel yang telah anda kaji jelaskan sebab-sebab novel tersebut dianggap istimewa dan boleh menarik minat pembaca</p> <p>Berdasarkan novel yang saya kaji iaitu Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latif Talib, novel tersebut ternyata mempunyai banyak keistimewaan dari pelbagai aspek. Keistimewaan yang pertama adalah daripada pengutaraan tema yang baik oleh pengarang. Tema novel ini mengisahkan keberanian seorang anggota tentera dalam mempertahankan tanah air. Leftenan Adnan bin Saidi telah menunjukkan keberanian dan kecekalan sejak kecil serta mendapat dorongan daripada bapanya untuk menjadi askar. Keperwiraan beliau terbukti apabila beliau berjuang menentang musuh hingga pengujung nyawa. Novel ini juga istimewa dan menarik kerana mengandungi banyak nilai dan pengajaran yang boleh dijadikan iktibar kepada masyarakat. Antara nilai yang terdapat dalam novel ini ialah nilai cinta akan negara. Leftenan Adnan yang bertugas sebagai guru sanggup meringgalkan kerjaya tersebut untuk memasuki bidang ketenteraan demi berjuang mempertahankan tanah air. Pengajarannya ialah, sebagai anak muda, kita hendaklah sanggup berkorban demi kedaulatan tanah air pada bila-bila masa diperlukan.</p> <p>Berdasarkan novel yang saya kaji iaitu Tirani Karya Beb Sabariah, novel tersebut ternyata mempunyai banyak keistimewaan dari pelbagai aspek dan boleh menarik minat pembaca. Keistimewaan yang pertama adalah daripada pengutaraan tema yang baik oleh pengarang. Tema novel ini berkisar tentang kecantikan fizikal yang bersifat sementara namun, ilmu yang dimiliki seseorang dapat melindungi kelemahan diri. Waheeda yang menganggap dirinya tidak sempurna kerana bentuk hidungnya yang pesek mendapat kesempatan memperbaiki kekurangannya itu selepas hidungnya cedera teruk kerana serangan seekor monyet. Dia berjaya mendapatkan kecantikan wajah yang diidamkan namun kecantikan tersebut menjadi punca keruntuhan rumahtangganya dengan Zahid. Walau bagaimanapun, waheeda yang mempunyai pendidikan yang tinggi mampu keluar daripada jerat kecewa dan putus asa yang menyebabkan dia terpaksa mendapat rawatan sebagai pesakit jiwa, lalu melangkah terus maju ke hadapan dalam bidang pelancongan. Istimewanya novel ini juga kerana mengandungi banyak nilai dan pengajaran. Pengarang menghantar mesej kepada pembaca melalui penerapan nilai murni seperti nilai kasih sayang seorang ibu kepada anaknya. Raidah ibu Waheeda tidak dapat menahan diri untuk bersama-sama anaknya menghadapi saat genting menjalani pembedahan rekonstruksi wajah di Singapura.</p> <p>Selain itu, keistimewaan Novel Tirani yang boleh menarik perhatian pembaca ialah dari segi pemaparan perwatakan watak utama iaitu Waheeda. Waheeda digambarkan sebagai seorang wanita yang gigih berusaha. Dia memajukan Syarikat pelancongan Tajau Emas milik keluarga sehingga syarikat tersebut menjadi terkenal dan resort tersebut sentiasa menerima kunjungan pelancongan dalam dan luar negara. Waheeda juga mempunyai pendirian yang tegas. Walaupun kurang dipersetujui keluarga, dia tetap menjalani pembedahan rekonstruksi wajahnya. Waheeda juga sentiasa berfikir positif dan sikapnya itu menyebabkan beliau berjaya keluar daripada belenggu kekecewaan ditinggalkan suami</p>

<p>Berdasarkan dua buah novel yang telah anda pelajari, huraikan satu persoalan kasih sayang yang terdapat dalam setiap novel tersebut. (SOALAN TERTUTUP)</p> <p>Berdasarkan dua buah novel yang telah saya pelajari, iaitu Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latif bin Talib dan novel Tirani karya Beb Sabariah, terdapat persoalan kasih sayang. Dalam novel Leftenan Adnan Wira Bangsa, persoalan kasih sayang yang dipamerkan ialah kasih sayang bapa yang mementingkan pelajaran anak-anaknya. Misalnya, Pak Saidi sanggup menghantar Adnan ke sekolah Inggeris kerana sekolah itu mengajarkan banyak mata pelajaran kepada para pelajarannya. Oleh itu, Pak Samad sanggup berbasikal pada awal pagi untuk menghantar Adnan ke sekolah. Walaupun tindakan Pak Samad ditentang oleh penduduk kampung, dia tetap menghantar anaknya ke sekolah Inggeris untuk memastikan anaknya mendapat pekerjaan yang lebih baik. Dalam novel Tirani pula, persoalan kasih sayang yang dipaparkan ialah kasih sayang seorang ibu terhadap anak kandunginya. Contohnya, apabila Raidah iaitu ibu Waheeda dimaklumkan bahawa Waheeda akan menjalani sesi pembedahan mata dan hidungnya di Silicon Medical Centre (SMC), dia membuat keputusan untuk pergi ke Singapura untuk menemani anaknya pada hari pembedahan itu. Selain itu, Waheeda membesarkan anak kandunginya, Izzati tanpa bantuan seorang suami kerana suaminya, Zahid telah menceraikannya dengan talak satu.</p>
--

<p>Berdasarkan dua buah novel yang telah anda pelajari, huraikan satu nilai kegigihan yang terdapat dalam setiap novel tersebut. [8 markah] (SOALAN TERTUTUP)</p> <p>Novel yang saya kaji ialah novel Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latif Talib dan novel Tirani karya Beb Sabariah</p> <p>Nilai Kegigihan yang terdapat dalam novel Tirani ialah Nilai Kegigihan seorang ahli perniagaan dalam memajukan perniagaannya. Contoh Waheeda gigih memajukan inap desa Tajau Emas sehingga sanggup pinjaman bank dan beliau juga berjaya membeli chalet iwana iwani di Cameron Highland dengan nama baru Aya-Sajinah.</p> <p>Manakala dalam novel Leftenan Adnan Wira bangsa, nilai kegigihan ialah Nilai Kegigihan seorang bapa menghantar anaknya menuntut ilmu pengetahuan. Contoh peristiwanya ialah kegigihan Pak Saidi menghantar anak-anaknya pergi sekolah Inggeris dengan menganyuh basikal walaupun ditentang oleh orang kampung.</p>

<p>Konflik merupakan satu daripada teknik penceritaan yang dapat mengembangkan sesebuah cerita. Berdasarkan sebuah novel yang telah anda pelajari, jelaskan dua konflik yang dihadapi oleh watak utamanya.</p> <p>Konflik yang dihadapi oleh watak utama ialah konflik antara Leftenan Adnan dengan pihak Jepun. Banyak anggota Kompeni C Regimen askar Melayu di bawah pimpinan Leftenan Adnan terkorban ketika bertempur dengan tentera Jepun di Pasir panjang dan Bukit Chandu. Leftenan Adnan terus memberikan kata-kata semangat kepada anak-anak buahnya walaupun mereka semakin kehabisan peluru. Biar pun, akhirnya Tentera Jepun berjaya menembusi pertahanan kubu askar Melayu. Konflik berakhir apabila Leftenan Adnan tetap tidak mahu menyerah kalah dan beliau telah ditembak dan diikat pada pokok ceri dan ditikam bertubi-tubi oleh askar Jepun hingga mati. Selain itu, konflik antara Adnan dengan ibunya. ibunya tidak membenarkan Adnan menjadi tentera kerana dia sanggup berpisah dengan Adnan yang perlu menjalani latihan ketenteraan di Port Dickson Bagaimanapun, akhirnya, ibu Adnan akur dengan kehendak anaknyadan melarikan serta menghormati keputusan Adnan yang ingin menjadi seorang tentera</p> <p>Konflik yang dihadapi oleh watak utama ialah konflik antara Waheeda dengan suaminya, Zahid. Kemesraan Waheeda dengan pelanggan lelaki, kecantikan Waheeda dan pujian yang sering diterimanya olehnya menyebabkan suaminya cemburu sekaligus mencurigai kesetiaan Waheeda. Zahid juga mempersoal raut wajah anak mereka yang baru dilahirkan dan dijadikan alasan untuk menuduh Waheeda berlaku curang. Waheeda cuba menyelesaikan konflik dengan membuat ujian DNA namun Zahid tidak mahu melihat keputusan ujian DNA tersebut dan konflik berakhir apabila Zahid menceraikan Waheeda.</p> <p>Konflik Waheeda dengan kawannya Bazilah. Bazilah cemburu dengan kemesraan Dr Zahari tunangnya dengan Waheeda. Cara penyelesaiannya, Waheeda telah berpindah dr rumah Bazilah dan tinggal di Flamingo Resort.</p>
--

<p>Perkembangan cerita sesebuah novel bergantung pada peranan yang dimainkan oleh watak utama dan watak sampingannya. Jelaskan dua peristiwa yang melibatkan watak utama daripada sebuah novel yang telah anda kaji.</p> <p>Novel yang saya pelajari ialah Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latif Talib. Peristiwa pertama yang melibatkan watak utama pada perkembangan cerita ialah peristiwa Adnan berkahwin dengan Sophia. Perkahwinan ini dirancang dan diatur oleh bapa Adnan, Pak Saidi. Hasil Perkahwinan itu telah membuatkan kebahagiaan apabila pasangan Adnan dan Sophia dikurniakan dua orang anak, iaitu Mokhtar dan Zainuddin</p> <p>Novel yang saya pelajari ialah Tirani, karya Beb Sabariah. Peristiwa pertama yang melibatkan watak utama pada perkembangan cerita ialah peristiwa Waheeda telah dicerderakan oleh seekor monyet Belanda pada bahagian wajah dan hidungnya. Kejadian ini menyebabkan Waheeda dikejarkan ke hospital oleh Fadhill sambil ditemani oleh ibunya, Raidah. Kesan peristiwa tersebut menyebabkan Waheeda mengambil keputusan untuk menjalani pembedahan rekonstruksi pada wajahnya di Singapura. Beliau menjalani pembedahan selama 12 jam yang diketuai Dr. Alma Hollis Chen di Silicon Medical Center (SMC).</p>

<p>Berdasarkan sebuah novel yang telah anda pelajari, jelaskan dua teknik plot yang digunakan oleh pengarang dalam novel tersebut.</p> <p>SILA IKUT NOTA TEKNIK PLOT</p>

<p>Jelaskan dua persoalan kemasyarakatan berdasarkan sebuah novel yang telah anda pelajari. (SOALAN TERTUTUP)</p> <p>NILAI KEMASYARAKATAN (nilai bekerjasama, nilai tolong menolong)</p> <p>Berdasarkan sebuah novel yang telah saya pelajari iaitu novel Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latif bin Talib, terdapat persoalan kemasyarakatan dalam novel tersebut.</p> <p>Antara persoalan kemasyarakatan yang terkandung dalam novel ini ialah Persoalan tentang kerjasama askar untuk mengukuhkan sistem pertahanan negara juga antara Ketika Leftenan Adnan diarahkan oleh pihak Inggeris untuk bertugas di Bukit Candu, beliau mendapati tiada persiapan rapi yang dibuat di sana. Leftenan Adnan telah mengadakan mesyuarat tergepang dan meminta mereka bergotong-royong menggali parit dan kubu. Leftenan Adnan dan orang-orang bawahanmya turut menabas semak samun dan membaiki pagar duri.</p> <p>Persoalan tentang semangat juang dan tolong menolong yang tinggi dalam kalangan askar Melayu. Sebagai contohnya, ketika tentera Jepun melancarkan serangan di Jurong, pertahanan British semakin tidak kuat kerana banyak tenteranya kelelahan dan ketakutan. Hal ini berbeza dengan askar Melayu yang masih bersemangat dan saling bekerjasama terus berjuang kerana Mereka tiada pilihan lain kerana Tanah Melayu merupakan tanah air mereka.</p>
--

<p>Jelaskan dua persoalan kemanusiaan berdasarkan sebuah novel yang telah anda pelajari.</p> <p>SILA IKUT nota persoalan kemanusiaan contoh persoalan kasih sayang ibu terhadap anak. Persoalan tentang tanggungjawab ketua keluarga kepada ahli keluarga.</p>
--

<p>Berdasarkan sebuah novel yang telah anda pelajari, jelaskan satu watak sampingan lelaki dan perwatakannya. (SOALAN TERTUTUP)</p> <p>Berdasarkan novel yang saya kaji iaitu novel Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latif bin Talib, terdapat satu watak sampingan lelaki. Watak sampingan tersebut ialah Pak Saidi. Pak Saidi mempunyai seorang isteri yang bernama Mak Milah dan mempunyai tiga orang anak lelaki iaitu Adnan, Ahmad dan Amarullah. Pak Saidi tinggal di Kampung Sungai Ramal dan bekerja sebagai pesawah. Perwatakan Pak Saidi adalah seorang ayah yang bertanggungjawab terhadap keluarganya. Sebagai contoh, Pak Saidi tidak mahukan anak-anaknya ketinggalan dalam arus pendidikan semasa. Beliau mahu masa depan menjadi lebih baik. Oleh itu, Pak Saidi menghantar anak mereka ke sekolah aliran Inggeris walaupun beberapa orang penduduk kampung membantah perbuatannya. Manakala dalam novel Tirani, watak sampingan lelaki ialah Zahid, suami Waheeda. Perwatakannya Seorang yang cemburu buta, Zahid cemburu buta dan menuduh waheeda mengadakan hubungan sulit dengan lelaki lain kerana sikap mesra Waheeda dengan tetamu menginap di chalet mereka. Seorang yang terburu-buru membuat keputusan, Zahid tidak mahu melihat keputusan DNA dan terburu-buru menceraikan Waheeda.</p>

<p>Huraikan sinopsis novel yang anda pelajari.</p> <p>SILA IKUT NOTA PLOT</p>
--

<p>Dalam novel yang dikaji, bahagian pemerlaian cerita diakhiri dengan kejayaan. Berdasarkan dua buah novel yang anda kaji, jelaskan dua peristiwa yang membuktikan kejayaan tersebut.</p> <p>Novel yang saya kaji ialah Novel Leftenan Adnan Wira bangsa karya Abdul Latif Talib. Peristiwa pertama yang membuktikan kejayaan pada pemerlaian cerita ialah peristiwa Pak Saidi Berjaya membumuh beberapa orang tentera Jepun dengan sebilah keris pusaka peninggalan ayahnya. Pak Saidi berbuat begitu kerana dia ingin membalas dendam atas kematian anaknya Pak Saidi tidak mahu pihak penjajah Jepun terus berkuasa di Tanah Melayu. Selanjutnya, peristiwa kedua yang membuktikan kejayaan pada pemerlaian cerita adalah berita kemenangan Tentera British dalam Perang Dunia Kedua. Jepun menyerah kalah dan telah menandatangani surat perjanjian menyerah kalah secara rasmi di kilang kereta Ford. Pada 15 Ogos 1945. British telah mengambil alih pentadbiran di Tanah Melayu semula setelah Pihak Berikat yan terdiridaripada Pakatan Amerika Syarikat dan British berjaya mengebom Bandar Hiroshima dan Nagasaki.</p> <p>Novel yang saya kaji ialah Tirani Karya Beb Sabariah. Berdasarkan novel ini terdapat beberapa peristiwa yang membuktikan terdapat kejayaan pada pemerlaian novel. Peristiwa pertama yang membuktikan kejayaan pada pemerlaian cerita ialah kejayaan Waheeda dan Ghazi membeli dan mengusahakan Chalet Iwana-Iwana milik Pak Cik Abdul Aziz yang terletak di Cameron Highlands dengan menukarkan nama chalet itu kepada Aya-Sajinah. Zahid dan Aiman yang kebetulan menginap di Chalet Aya-Sajinah, berahat di Café Iwana dan bersembang tentang pelbagai perkara terutamanya perihal keinsafannya atas kesalahan masa silam. peristiwa ini melambangkan kejayaan Waheeda dalam bidang perniagaan.</p> <p>Seterusnya, Peristiwa kedua yang membuktikan kejayaan pada pemerlaian cerita ialah peristiwa Zahid menangi apabila diberitahu bahawa Izzati merupakan anak kandunginya dan Waheeda kerana ibu Izzati merupakan insan yang dicarinya selama ini. Zahid meluahkan penyesalannya atas kesalahan besarnya terhadap Waheeda dan anak kandung mereka, Izzati. Izzati pula memujuk ibunya agar memaafkan kesalahan bapanya, Zahid. peristiwa ini melambangkan kejayaan Waheeda yang berjaya menegakkan kebenaran tentang kesetiannya terhadap Zahid.</p>

<p>Berdasarkan sebuah novel yang anda kaji, huraikan dua nilai tanggungjawab yang terdapat dalam novel tersebut.</p> <p>Novel yang saya pelajari ialah Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latif Talib. Nilai tanggungjawab yang dapat dilihat ialah tanggungjawab seseorang terhadap keluarga. Nilai tersebut dipaparkan melalui watak Pak Saidi yang mengambil berat pelajaran anak-anaknya. Beliau menghantar Adnan belajar di sekolah Inggeris walaupun mendapat tentangan penduduk Kampung Sungai Ramal, nilai tanggungjawab juga dipaparkan melalui watak Adnan. Beliau menggalas tanggungjawab memimpin Regimen Askar Melayu Kompeni C di Pasir Panjang dan Bukit Candu dengan mempertahankan nyawanya demi mempertahankan keselamatan negara. Beliau bersama-sama pasukannya berjuang bermati-matian sehingga kehabisan senjata dan berakhir dengan kematiannya yang sungguh tragis. Kemarahan tentera Jepun dengannya tidak terkira sehingga dia digantung di bawah pohon ceri dengan kepalanya di bahagian bawah dan setiap askar Jepun menikamnya dengan bayonet. Seseungguhnya, pengorbanan Leftenan Adnan demi tanggungjawab mempertahankan negara perlu kita teladani.</p> <p>Novel yang saya pelajari ialah Tirani, karya Beb Sabariah. Nilai tanggungjawab dipaparkan pada watak utama ialah tanggungjawab mengusahakan inap desa keluarga. Waheeda telah menjaga inap desa tersebut sehingga berjaya memajukan dan menjadikan Tajau Emas tersohor dan menjadi pilihan pelancong di dalam dan di luar negara. Nilai tanggungjawab yang terdapat pada watak Waheeda ini menyebabkan dia juga berjaya dalam kerjayanya sebagai pegawai Perhubungan Awam di Hotel Flamingo dan seterusnya memajukan Aya Sajinah di Cameron Highlands.</p> <p>Seterusnya, nilai tanggungjawab dapat dilihat pada watak Raidah, ialah tanggungjawab seorang ibu terhadap kesihatan anaknya. Emak Waheeda iaitu Raidah yang pergi ke Singapura untuk menemani Waheeda yang menjalani pembedahan kosmetik Raidah bertanggungjawab menjaga Waheeda sepanjang pembedahan sehingga Waheeda pulih.</p>

Berdasarkan sebuah novel yang telah anda pelajari, jelaskan **dua teknik plot** yang digunakan oleh pengarang dalam novel tersebut. **(SOALAN TERBUKA)**

Berdasarkan novel yang telah saya pelajari iaitu novel Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib, terdapat beberapa teknik plot yang digunakan oleh pengarang dalam novel tersebut.

Antara teknik plot yang digunakan ialah **teknik pemerian**. Contohnya, pengarang menggambarkan watak utama iaitu Adnan yang menghunus keris kayu pemberian ayahnya lalu menikam batang pisang. Dia berlagak seperti Hang Tuah yang menikam musuhnyanya. Pak Saidi yang baru pulang dari kebun tersenyum melihat telatah anak sulungnya itu.

Selain itu, **teknik imbas muka** juga diselitkan dalam novel ini. Sebagai contohnya, semasa berbual-bual dengan Mamat, Leftenan Adnan menyatakan keinginannya untuk menjadi seorang askar. Beliau ingin menjadi askar kerana ingin menjaga negeri ini dan akan akan menembak musuh yang datang.

Manakala dalam novel Tirani pula, Teknik plot ialah **Teknik pemerian**. Contohnya, pengarang memerihalkan upacara menyurungkan cincin perkahwinan pengantin lelaki di jari pengantin perempuan. Selain itu, **Teknik imbas muka** yakni Waheeda membayangkan suasana mesra yang wujud ketika kakitangan di Chalet Tajau Emas belajar menganyam kelongsong ketupat lepas daripada ibunya ketika dia membaca e-mel yang dihantar oleh Fatimah.

Berdasarkan dua buah novel yang anda pelajari, jelaskan **satu peristiwa yang menggambarkan kebijaksanaan watak utama** yang terdapat dalam novel-novel tersebut

Novel yang saya kaji ialah novel Tirani karya Beb Sabariah. Peristiwa yang menunjukkan kebijaksanaan watak utama ialah **Kebijaksanaan watak utama menyelesaikan masalah**. v1 Contohnya Waheeda telah membuat ujian DNA anaknya Izzati untuk membuktikan kepada Zahid bahawa izzati adalah anaknya. v2 Peristiwa ini menunjukkan bahawa Waheeda bijak menyelesaikan masalah. Kebijaksanaan watak utama iaitu Waheeda memajukan perniagaannya. Peristiwa Waheeda telah membuat pinjaman daripada Bank pembangunan dan Waheeda juga telah membeli homestay iwana iwani yang terletak di Cameron Highlands.

Manakala Peristiwa yang menunjukkan kebijaksanaan watak utama dalam novel Leftenan Adnan ialah **Kebijaksanaan Leftenan Adnan mengesan askar Jepun yang menyamar sebagai askar Punjabi Inggeris** v1. Peristiwanya ialah sewaktu tentera inggeris berkawad, leftenan Adnan dapat mengesan askar Jepun kerana cara berkawad mereka berbeza dan senapang yang dibawa oleh askar Jepun mempunyai bayonet.v2

Berdasarkan dua buah novel yang anda kaji, wajarkah pengarang mengakhiri cerita seperti yang terdapat dalam setiap novel? Berikan alasan anda. (8 markah)

Novel yang saya kaji ialah novel Tirani karya Beb Sabariah dan Novel Leftenan Adnan wira bangsa karya Abd Latip Talib. Alasan saya pengakhiran kedua-dua novel ini wajar.

Novel Tirani wajar/1 kerana Zahid akhirnya menyedari kesalahannya meninggalkan waheeda sewaktu Waheeda bersalin dan dalam berpantang serta ingin berubah menjadi manusia yang baik dan bertanggungjawab. v1. Selain itu, wajar kerana kita dapat melihat kejayaan Waheeda sebagai ahli perniagaan yang Berjaya apabila beliau membeli Chalet Iwana-Iwani di Cameron Highlands.v1

Seterusnya novel Leftenan Adnan, wajar v1 kerana Pak Saidi Berjaya membalas dendam membunuh 5 askar Jepun dan mencederakan 25 askar Jepun sebelum beliau dibunuh. Selain itu, Jepun telah kalah apabila Amerika telah mengebom bandar Hiroshima dan Nagasaki. Pengakhiran cerita ini Nampak bahawa Jepun mendapat balasan. v1 Manakala watak baik iaitu Sofia telah berkahwin dengan Ustaz Ridzuan dan hidup Bahagia setelah sekian lama bersembunyi daripada dibunuh oleh Jepun.v1

Berdasarkan sebuah novel yang telah anda pelajari, huraikan dua sebab **bahagian permulaan novel itu menarik minat anda**.

Novel yang saya kaji ialah novel Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib. Terdapat dua peristiwa menarik dalam permulaan novel ini ialah Peristiwa pertama ialah **peristiwa Adnan sedang bermain keris kayu pemberian ayahnya Pak Saidi dengan menikam batang pokok pisang**. Sewaktu Adnan bermain keris, beliau berangan dan beraksi seperti Pahlawan Hang Tuah. **Peristiwa permulaan novel ini menarik untuk membaca novel seterusnya kerana saya ingin tahu mengapakah Adnan begitu berminat dengan aksi-aksi pahlawan**.

Selain itu, **peristiwa Pak Saidi mengajar anaknya Adnan bermain keris dan bersilat kerana beliau ingin mendidik anaknya supaya mahir bermain senjata dan ingin menerapkan nilai-nilai kepahlawanan** dalam diri anaknya kerana mereka adalah keturunan Datuk Siamang Gagap iaitu seorang pahlawan melayu yang menentang penjajahan Inggeris. Peristiwa permulaan novel ini menarik untuk membaca novel seterusnya kerana **saya lihat ketekunan dan kehebatan Pak Saidi mendidik anak-anaknya dengan nilai keberanian dan patriotisme**.

DISUSUN OLEH,
ZAHARIAH AZHARI
GKMP KEMANUSIAAN
MERANGKAP GURU BAHASA MELAYU
SMKTJ2

“ ANDA MEMILIK DUA PILIHAN SEPANJANG HAYAT. SAKIT KERANA INGIN BERUBAH ATAU SAKIT KERANA TIDAK BERUBAH”